

16 JUN 2003

Umno-Azalina

PUTERI SEPATUTNYA TANGGUH RANCANGAN REBUT JAWATAN

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Anggota Puteri Umno sepatutnya menanggung sebarang hasrat untuk merebut jawatan dalam pergerakan itu sehingga selepas pilihan raya umum, kata ketuanya Azalina Othman Said hari ini.

Beliau berkata adalah penting bagi Puteri Umno menumpukan perhatian kepada pilihan raya umum bagi memastikan kejayaan Barisan Nasional dan memenangi semula Kelantan dan Terengganu.

Walaupun Puteri Umno mengamalkan demokrasi, beliau menasihatkan ahlinya supaya menanggung hasrat untuk merebut jawatan dalam pergerakan itu, sekurang-kurangnya buat masa ini.

"Kita faham proses demokrasi. tetapi kita juga memohon mereka yang mahu merebut jawatan supaya menanggung niat tersebut bagi membolehkan kita menumpukan perhatian kepada pilihan raya umum," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas exco sempena Perhimpunan Agung Umno.

"Tiada gunanya memenangi jawatan dalam pertubuhan tetapi gagal mendapatkan kuasa di kawasan pengundi," kata beliau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu temu bual baru-baru ini menyuarakan kebimbangan akan berlaku perebutan kuasa dalam menggantikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada pemilihan Umno tahun depan.

Beliau juga bimbang akan berlaku perebutan jawatan naib-naib Presiden Umno.

Azalina berkata kebimbangan Dr Mahathir mengenai isu perebutan kuasa sepatutnya mendapat perhatian daripada anggota pergerakan.

"Saya rasa Puteri (Umno) memahami perkara ini dengan baik," kata beliau.

Azalina berkata Puteri Umno bersedia untuk "bersuara sama" dengan Pergerakan Wanita dan Pergerakan Pemuda dalam mengemukakan usul yang sama di perhimpunan agung Umno nanti bagi memastikan kemenangan Umno sewaktu pilihan raya umum.

Beliau berkata usul seperti pendidikan yang menyentuh isu Sekolah Agama Rakyat mungkin yang dikemukakan oleh ketiga-tiga pergerakan itu.

Selain pendidikan, Puteri Umno juga akan membawa usul agama, ekonomi dan sosial pada perhimpunan agung parti ke-57 bermula esok.

Puteri Umno kini mempunyai 138,000 anggota.

--BERNAMA

LES MUN ZB